

JIKA KRISIS POLITIK KELANTAN
TIDAK SELESAI JUGA ...

Pentadbiran ala Mageran harus akan diwujudkan

28 OKT 1977

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Khamis. — Satu sistem pentadbiran seperti MAGERAN dulu mungkin diwujudkan di Kelantan jika krisis politik sekarang tidak dapat diselesaikan juga, demikian menurut Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau mengesahkan bahawa perkara itu disebut dalam formula balas yang telah disampaikan kepada pihak PAS Kelantan melalui Presidennya dua hari lalu.

Beliau menyebut demikian ketika ditanya para pemberita selepas upacara penyampaian dermasiswa kepada seorang pelajar di Kementerian Pelajaran di sini pagi ini.

Dato Seri Dr. Mahathir ditanya sama ada benar di dalam formula itu ada disebut soal kemungkinan diwujudkan sistem pemerintahan darurat di Kelantan, jika krisis politik sekarang tidak dapat diselesaikan.

Beliau berkata: "ada kemungkinan diwujudkan sistem pentadbiran itu di Kelantan jika krisis politik sekarang berterusan dan tidak dapat diselesaikan."

Katanya, kita mahu ahli-ahli PAS yang tidak kontroversi menduduki kerusi EXCO.

"UMNO dianggap tidak terlibat dalam krisis ini, maka EXCONYA tidak patut mengundurkan diri. Tetapi kerana cadangan balas dari PAS meminta supaya EXCO UMNO juga mesti muka muka baru, maka pucuk pimpinan UMNO menerimanya juga, jelasnya.

Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai 9 orang anggota EXCO — enam dari PAS dan tiga dari UMNO.

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan pucuk pimpinan Barisan Na-

Disoal apakah pula langkah lain jika pihak PAS Kelantan tidak mahu menerima formula balas itu, beliau berkata: "Bila sampai masanya, kita akan menyeberangi jambatan."

"Saya yakin semua pihak di Negeri Kelantan mahu melihat negeri itu maju dan semua pihak tidak akan bersikap mementingkan diri sendiri," tambahnya.

Menyedari

Mengenai usul-usul undi tidak percaya yang dibuat terhadap Menteri-menteri Besar oleh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional sekarang, Dato Seri Dr. Mahathir berkata: "Kita berada di dalam Barisan Nasional ini secara

Tindakan

Tegasnya, tindakan itu mungkin diambil kerana masalah Kelantan itu melibatkan soal-soal keselamatan, ketenteraman dan kestabilan politik negeri tersebut.

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu jika pertikaian tersebut berlanjutan pembangunan Kelantan tentu terjejas.

"Saya tidak nampak semua pihak sama ada UMNO ataupun PAS dan juga rakyat negeri Kelantan, mahu melihat pembangunan negeri itu terjejas akibat perbalahan politik," katanya.

Beliau juga mengakui dalam formula awalnya kepada PAS Kelantan Sabtu lalu ada dicadangkan supaya semua ahli PAS untuk kerusi EXCO Kerajaan Negeri yang baru nanti mestilah dari muka-muka baru, manakala UMNO akan mengekalkan tiga orang EXCO lamanya.

sional membuat formula-formula itu dengan harapan ia dapat menyelesaikan krisis tersebut.

Ditanya pandanganannya tentang kenyataan Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan, Haji Salahuddin Abdullah, membayangkan PAS negeri itu mungkin dapat menerima cadangan formula itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata: "Syukur alhamdulillah".

Ditanya lagi sejauh mana terjejasnya perpaduan dan hubungan antara UMNO dan PAS berikutan krisis tersebut Dato Seri Dr. Mahathir berkata: "Saya percaya buat beberapa masa ini tentulah ada perasaan tidak senang dalam hubungan ini, kerana tidak ada perkara yang boleh dilupakan sekelip mata sahaja.

"Mestilah memakan masa sedikit untuk menyembuhkan luka," ujarnya.

Katanya lagi, sedikit sebanyak bolehlah dikatakan perpaduan antara UMNO dan PAS terjejas.

sukarela kerana menyedari tanggungjawab kita terhadap negara dan tanggungjawab masing-masing mengurangkan politik untuk mentadbirkan negara dengan lebih berkesan."

Beliau menyatakan kita tidak menggunakan paksaan dalam menyelesaikan masalah-masalah parti. Semua ini bergantung kepada rasa tanggungjawab masing-masing parti dalam komponen Barisan Nasional.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir usul-usul sedemikian memanglah tidak sihat, kerana ia menimbulkan masalah.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata ahli-ahli parti dalam komponen Barisan Nasional hendaklah bertindak secara bertanggungjawab terhadap negara dan rakyat.

Ditanya pendapatnya tentang adanya beberapa orang anggota Majlis Tertinggi UMNO yang dikatakan suka melihat perpecahan PAS dalam Barisan Nasional, beliau berkata: "Saya percaya pendapat begini memang ada dalam Barisan Nasional dan timbul di dalam semua parti komponen. Tapi yang mustahaknya adakah pendapat seperti ini akan diterima majoriti."

Dato Seri Dr. Mahathir

MUKA 16 RUANG 3

Pemuda UMNO Kelantan nak jumpa Mahathir

★ Dari Muka 1

memberitahu pihaknya telah menyiasat dakwaan adanya penglibatan golongan pelajar dari institusi-institusi pelajaran tinggi dalam perhimpunan ramai dan tunjuk perasaan di Kota Bharu baru-baru ini.

Kata Dr. Mahathir, menurut laporan penyiasatan, mereka kebanyakannya pergi ke situ untuk menyaksikan apa yang berlaku.

"Kita belum yakin mereka terlibat secara langsung, dan kita tidak menafikan segelintir sahaja yang terlibat dalam rapat-rapat umum," tambahnya.

Dari Kota Bharu, BER-NAMA melaporkan Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Nasir yang pulang ke sini dari Kuala Lumpur hari ini ketika dihubungi, enggan membuat apa-apa ulasan mengenai perkembangan terbaru dalam krisis itu.

Beliau hanya berkata, tunggulah keputusan rundingan mengenai formula penyelesaian itu.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan telah mengambil "sikap tersendiri dan tegas" mengenai krisis itu.

Sikap tersebut telah diputuskan dalam mesyuarat pergerakan itu di sini kelmarin yang membincangkan berbagai aspek mengenai krisis itu.

Punca-punca Pergerakan itu walaubagaimanapun enggan menyatakan sikap yang telah diputuskan itu.

Satu rombongan 15 orang ahli jawatankuasa pergerakan itu akan ke Kuala Lumpur Sabtu ini untuk menyampaikan keputusan itu kepada Tengku Razaleigh Hamzah selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kelantan.

Rombongan itu juga dijangka akan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan ahli-ahli EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.